

**PENGGUNAAN TEKNIK PENTAKSIRAN FORMATIF DALAM SUBJEK
BAHASA MELAYU DARJAH SATU: KAJIAN KES**

*(The Use Of Formative Assessment Techniques In Malay Language
Classroom In Primary One: A Case Study)*

SUZANA ABD. MUTALIB
suzanaalea@yahoo.com.my
Kementerian Pelajaran Malaysia

JAMIL AHMAD
jamil3191@yahoo.co.uk
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK: Menyoal secara lisan, latihan, *seat work*, perbincangan, projek, tugasan dan kerja rumah adalah antara teknik pentaksiran formatif yang kerap diaplikasikan guru dalam proses P&P (P&P). Kesemua teknik ini apabila dilaksanakan dengan betul dan berkesan, ia dapat membantu meningkatkan pembelajaran murid. Kertas ini melaporkan satu dapatan kajian kualitatif yang dilaksanakan untuk mengenal pasti teknik pentaksiran formatif yang digunakan oleh guru semasa proses P&P subjek Bahasa Melayu di bilik darjah satu. Reka bentuk kajian ialah kajian kes dan telah dijalankan di sebuah sekolah rendah *showcase* Pentaksiran Berasaskan Sekolah peringkat negeri Pulau Pinang. Seorang guru subjek Bahasa Melayu menjadi peserta kajian ini. Dua teknik kutipan data digunakan, iaitu pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian dibincangkan mengikut penggunaan teknik pentaksiran formatif semasa proses P&P dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian mengguna pakai pelbagai teknik pentaksiran untuk meningkatkan pembelajaran murid di samping memastikan murid mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan. Dapatan juga menjelaskan bahawa peserta kajian menggunakan pelbagai teknik kerana tujuan yang pelbagai dan fungsi setiap teknik pula saling melengkapi antara satu sama lain. Penggunaan pelbagai teknik pentaksiran adalah penting untuk memastikan maklumat pentaksiran yang diperolehi membolehkan guru membuat keputusan secara tepat berdasarkan keupayaan, kebolehan dan kemahiran dicapai oleh murid. Penggunaan pelbagai teknik pentaksiran juga penting dalam memastikan perkara yang diukur mempunyai kesahan konstruk yang tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan kajian adalah signifikan dalam memberi gambaran sebenar bagaimana teknik-teknik pentaksiran formatif dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam proses P&P subjek Bahasa Melayu.

Kata kunci: Pentaksiran formatif, teknik pentaksiran formatif, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu

ABSTRACT: A proper and effective implementation of formative assesment techniques in the classroom will help to improve students learning. Oral questioning, exercises, 'seatworks', quizzes, discussions, projects, assignments and homeworks are among the

common formative assessment techniques applied by teachers during the teaching and learning process. This paper reports the findings of a qualitative study undertaken to identify the formative assessment techniques used by a teacher during the teaching and learning process in a Malay Language classroom. A case study design was used, and the study was conducted in one School Based Assessment 'showcase' primary school in Penang. A Malay Language teacher participated in the study. Data was obtained through an observation and an interview. The finding was discussed according to the use of formative assessment techniques in the teaching and learning process. The study showed that the teacher adopted a variety of assessment techniques to improve the students learning and help them achieve the learning objectives. The study also noted the teacher's use of different techniques which are functionally complimentary to one another to suit different purposes. Using various formative assessment techniques is important to enable teachers to make correct decisions based on the students capacity, capability and skills. Using various assessment techniques also helps to ensure high validity of the constructs measured. As a whole, the finding of the study significantly demonstrates how formative assessment can be effectively implemented as part of the teaching and learning process in a Malay Language classroom.

Keywords: *Formative assessment, formative assessment techniques, teaching and learning Malay language*

PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula diperkenalkan untuk peringkat darjah satu pada tahun 2011 telah mengguna pakai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) untuk mentaksir pembelajaran murid. Dalam pelaksanaan PBS, pentaksiran formatif atau *assessment for learning* diberi penekanan utama untuk meningkatkan lagi pembelajaran murid dan dengan harapan dapat membina potensi murid secara lebih menyeluruh (Na'imah, 2011). Pentaksiran formatif dijalankan secara berterusan, diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan tujuan agar aspek pengukuran murid juga lebih bersifat menyeluruh. Penggunaan teknik pentaksiran formatif yang tepat adalah penting kerana ia membantu murid menguasai apa yang diajar, memberi peluang mereka berkomunikasi, mempamerkan kefahaman serta memenuhi keperluan murid untuk meningkatkan pembelajaran mereka (Black & William 1998) dan berupaya memberi maklumat kepada murid berkaitan tahap pembelajaran semasa, arah meningkatkan pencapaian serta status pencapaian berbanding objektif pembelajaran (Chappuis & Chappuis, 2008). Penggunaan teknik pentaksiran formatif turut membekalkan maklumat berkaitan kualiti pengajaran guru (Hall & Burke, 2003).

Walau bagaimanapun maksud teknik pentaksiran harus difahami sebaik mungkin supaya tidak membataskan penggunaannya dan kefahaman terhadapnya. Hal ini kerana persoalan berkaitan teknik pentaksiran formatif muncul dalam beberapa istilah seperti reka bentuk (Brookhart, 2007), teknik, alat dan aktiviti (Pinchock & Brandt, 2009) yang merujuk sebagai aktiviti yang digunakan dalam proses mentaksir. Teknik pentaksiran formatif merupakan proses mentaksir yang digabungkan dalam proses P&P, bergerak

secara seiring dan *embedded* (Brookhart, 2007; Mohd Azhar & Shahrir, 2007; Stiggins & Chappuis, 2006). Oleh kerana ia berjalan serentak dan *embedded*, ia juga adakalanya dianggap sebagai reka bentuk, teknik, alat atau aktiviti P&P dan tiada garis pemisah yang jelas antara kedua-dua fungsi.

Teknik pentaksiran formatif yang dijalankan secara tidak formal seperti perbincangan, pemerhatian, soal jawab lisan, *seatwork*, latihan bertulis, kerja rumah, projek, portfolio, kerja kumpulan, kuiz, tugasan, pentaksiran sendiri, pentaksiran perkembangan dan dialog (Black & Wiliam, 1998; Brookhart, 2007; Cizek, 2007; Chappuis & Chappuis, 2008; Harlen, 2007; Scherer, 2007). Semua teknik ini merupakan cara untuk membawa pemikiran murid supaya berfikir, reflektif, fokus untuk meningkatkan kefahaman dan peluang untuk berfikir dengan mendalam dan peluang mempamerkan idea mereka (Black & Wiliam, 1998; Brookhart, 2007; Cizek, 2007; Chappuis & Chappuis, 2008; Harlen, 2007; Scherer, 2007). Penggunaan teknik-teknik ini juga berupaya membawa penyertaan murid secara aktif dalam proses P&P (Black & Wiliam, 1998; Crooks, 1998; Hamm & Adams, 2009; Scherer, 2005; Stiggins & Chappuis, 2006). Penggunaan pelbagai teknik dalam pentaksiran formatif dapat meningkatkan kesahan terhadap konstruk yang diukur (Brookhart 2009). Hal ini juga bermakna adanya kesahan yang tinggi dalam keputusan yang dibuat berkaitan pembelajaran murid kerana maklumat untuk membuat keputusan diperolehi daripada pelbagai sumber (Brookhart, 2009).

PERNYATAAN MASALAH

Perubahan penekanan PBS daripada amalan pentaksiran sumatif yang memberi fokus utama terhadap ujian dan peperiksaan kepada amalan PBS yang mementingkan pentaksiran formatif telah menimbulkan banyak rungutan dalam kalangan guru. Hal ini berikutan perasaan kurang keyakinan guru untuk menjalankan pentaksiran formatif dalam proses P&P. Aplikasi pentaksiran formatif masih lemah kerana guru kurang mahir mengintegrasikan teknik pentaksiran formatif dalam proses P&P kerana menganggap bahawa ia sesuatu yang asing atau terpisah walhal teknik tersebut amat biasa dengan amalan mereka (Black & Wiliam, 1998; Brookhart, 2007; Hall & Burke, 2003). Kajian Black dan Wiliam (1998) mendapati guru masih memerlukan latihan untuk melaksanakan pentaksiran formatif. Berikutan itu mereka menyarankan guru menggunakan pelbagai teknik sebagai alat pentaksiran formatif selagi cara dan tujuan teknik itu berupaya memberikan maklumat bagi tujuan mengubah suai pengajaran dan merancang pengajaran akan datang. Perkara ini disokong oleh Scherer (2005) yang menyatakan semua teknik yang membolehkan guru mendapatkan maklumat berkaitan status kefahaman, kemahiran dan pengetahuan murid sesuai digunakan sebagai teknik pentaksiran formatif. Bagaimanapun, tulisan Black dan Wiliam (1998), Brookhart (2007), Hall dan Burke (2003) dan Scherer (2005) tidak menjelaskan dengan terperinci bagaimana teknik-teknik pentaksiran formatif dapat dijadikan panduan oleh guru dengan jayanya. Bagaimanapun Fisher dan Frey (2007) mendapati garis panduan yang membezakan antara fungsi teknik pentaksiran formatif dengan teknik P&P ialah teknik pentaksiran formatif sewajarnya dijalankan selepas guru menggunakan teknik P&P

untuk menyampaikan konsep atau isi pelajaran. Mereka menyarankan guru memulakan teknik pentaksiran formatif selepas sepuluh atau lima belas minit mengajar isi dan konsep pelajaran.

Guru juga kurang pengetahuan terhadap penggunaan teknik pentaksiran formatif. Sebagai contoh, kajian Mohd Azhar dan Shahrir (2007) mendapati guru menggunakan teknik soal jawab sebagai teknik pengajaran dan bukan sebagai teknik pentaksiran. Ini disokong oleh kajian Zamri dan Nor Razah (2011) mendapati keserasian guru menggunakan teknik menyoal dalam meningkatkan pembelajaran masih ditahap rendah. Kajian oleh Brookhart (2007) pula mendapati guru sekolah rendah menganggap teknik pemerhatian adalah teknik utama pentaksiran formatif. Hal ini menjadikan mereka kerap dan mahir menggunakan pelbagai jenis teknik pemerhatian berbanding guru sekolah menengah. Guru sekolah rendah turut disaran memberi murid latihan yang bersifat amali, latihan yang melibatkan pergerakan fizikal tubuh badan seperti nyanyian, lakonan, bercerita, membaca sajak dan syair kerana ia mampu meningkatkan pembelajaran pelbagai kebolehan seperti fizikal, kognitif, afektif, emosi dan sosial (interpersonal dan intrapersonal) (Hamm & Adams, 2009). Teknik seperti ini membolehkan murid mempamerkan kebolehan, bakat dan minat mereka. Apa yang penting ialah maklumat daripada penggunaan teknik tersebut ialah dalam bentuk tingkah laku. Hal ini kerana tingkah laku yang ditunjukkan murid semasa aktiviti pentaksiran formatif memberikan maklumat kepada guru untuk membuat keputusan dan pertimbangan apa yang hendak dilakukan seterusnya dalam proses P&P. Oleh itu penggunaan teknik pentaksiran formatif perlu dirancang dengan baik supaya sesuai dengan pelbagai tahap kebolehan murid (Hall & Burke, 2003).

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti amalan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah dalam mengaplikasikan teknik pentaksiran formatif yang digunakan semasa proses P&P.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian dijalankan untuk menjelaskan persoalan "Bagaimanakah teknik pentaksiran formatif digunakan ketika proses P&P subjek Bahasa Melayu?"

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dijalankan dengan kaedah kajian kes. Ia dipilih berdasarkan kepada keinginan untuk memahami dengan mendalam (Yin, 2003) serta ingin mendapat gambaran jelas (Marohaini, 2004) berkaitan penggunaan teknik pentaksiran formatif dalam proses P&P subjek Bahasa Melayu darjah satu. Dalam usaha menjadikan fenomena kajian lebih bermakna, kajian dijalankan di salah sebuah sekolah *showcase* PBS peringkat negeri Pulau Pinang. Pemilihan peserta menggunakan *purposive sampling* yang berasaskan kepada andaian bahawa penyelidik mahu

meneroka, mengetahui dan memahami, maka responden yang paling banyak boleh dilihat darinya (Merriam, 2009) dan meningkatkan kredibiliti dapatan kajian (Patton, 2002) dipilih menjadi peserta kajian. Seorang peserta kajian dipilih berdasarkan kriteria ketat iaitu berkaitan pengalaman mengajar melebihi lima tahun, dipercayai berpengetahuan dan berinformasi berkaitan teknik pentaksiran formatif.

Dua teknik pengumpulan data digunakan iaitu pemerhatian secara *non-participant* dan temu bual (Bogdan & Biklen, 2007; Marohaini, 2004; Merriam, 2009). Pemerhatian secara *non-participant* dijalankan dalam proses P&P supaya mendapat gambaran yang sebenar berkaitan penggunaan teknik pentaksiran formatif (Marohaini, 2004). Data yang diperolehi semasa pemerhatian akan diperkukuhkan melalui temu bual dengan mengemukakan soalan susulan untuk mencungkil bagi mendapat penjelasan lanjut tentang perlakuan yang ditunjukkan (Patton, 1987). Data dianalisis secara manual melalui dua peringkat, iaitu semasa kajian lapangan dan analisis kandungan selepas selesai kajian lapangan. Teknik gundalan digunakan untuk menyiasat pola teknik pentaksiran formatif yang kerap diamalkan oleh peserta kajian (Abd. Murad, 2003). Borang matrik digunakan untuk penyimpulan analisis. Triangulasi antara teknik dan antara unit digunakan dalam penyimpulan data. Dapatan kajian bersifat komprehensif, holistik dan diskriptif (Othman, 2009), tetapi tidak boleh digeneralisasikan luar daripada konteks, peserta dan tempat kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibentangkan mengikut penggunaan teknik pentaksiran formatif oleh Guru J. Dapatan dibincangkan satu persatu untuk memperkayakan kefahaman atas tujuan memahami fenomena penggunaan teknik dalam subjek bahasa dengan lebih mendalam.

Teknik Soal Jawab Lisan

Teknik soal jawab lisan digunakan oleh Guru J dalam ketiga-tiga peringkat P&P Bahasa Melayu. Ketika induksi set jenis soalan yang digunakan ialah soalan tertutup jawapan 'Ya' dan 'Tidak' serta soalan terbuka jawapan pendek. Kesemua soalan yang dikemukakan adalah aras rendah. Soalan lisan terbuka walaupun aras rendah, tetapi menuntut murid memberi perhatian sepenuhnya kepada guru dan memudahkan guru memperkenalkan tajuk, iaitu Buah-Buahan Tempatan.

Guru J memulakan induksi set, "*Hari ini cikgu ada bawa beberapa keping kad*". Tanpa membuang masa guru menunjukkan kepada murid empat keping kad gores dan mengemukakan siri soalan terbuka jawapan pendek, "*Pernah tak kamu dengar kad gores?*", "*Tahu tak apa kad ni?*", "*Macam mana nak gores kad ni?*", "*Tahu tak apa isi dalam ni?*" dan "*Nak tahu tak?*". Guru memanggil empat orang murid datang ke hadapan kelas untuk menggoreskan kad dan memberi arahan kepada mereka untuk mengangkat tinggi kad yang sudah digores supaya dapat dilihat oleh semua

murid lain dalam kelas. Berpandukan gambar pada kad gores, Guru J mengemukakan soalan kepada kelas, "*Nampak tak?*", "*apa ni?*", "*apa ni?*", "*ni yang Hafiz gores ni*", "*ni apa panggil ni?*" Murid memberi respons dengan menyebut beramai-ramai "*buah jambu*", "*buah tembikai*", "*buah betik*" dan "*buah durian*". Guru menggunakan kesemua respon tersebut untuk dikaitkan dengan tajuk iaitu buah-buahan tempatan, "*Tajuk kita hari ini ialah buah-buahan tempatan*".

Di pertengahan sesi P&P, teknik soal jawab lisan semakin kerap digunakan. Melalui pemerhatian, teknik ini digunakan atas tujuan melancarkan penggunaan teknik lain kerana ia dijalankan secara gabung jalin dengan teknik-teknik lain. Ke kerapannya menyual juga bertujuan untuk menarik penyertaan murid dalam aktiviti pembelajaran, mengekalkan perhatian murid kepada pembelajaran, menggalakkan murid berfikir, serta meningkatkan pembelajaran murid. Walaupun begitu, aras soalan masih pada aras rendah dan sederhana. Guru J juga memaksimumkan penggunaan jenis soalan terbuka. Walau bagaimanapun, soalan dikemukakan sebenarnya dirancang Guru J supaya respon yang diberikan murid ialah menyebut nama buah-buahan tempatan satu per satu dengan tujuan supaya murid mencapai standard pembelajaran mendengar, mengecam dan menyebut bunyi bahasa, iaitu nama buah-buahan tempatan.

Guru J menjelaskan dan memberi arahan, "*Cikgu akan tunjukkan gambar dan kamu sebut nama buah.*" Sambil menunjukkan kad gambar buah satu persatu guru menyual, "*Ini adalah gambar apa?*", "*ini buah apa?*", "*ini buah apa ni?*", "*ini buah apa pulak?*", "*ini buah apa ni?*", "*ini buah apa?*", "*ini pulak buah apa?*" dan "*ok, ini buah apa?*". Murid secara beramai-ramai memberi respon dengan menyebut nyaring setiap satu soalan Guru J, iaitu, "*limau*", "*jambu*", "*tembikai*", "*betik*", "*mangga*", "*kelapa*", "*angka*", "*durian*" dan "*belimbing*".

Di bahagian penutupan P&P, Guru J menggunakan teknik soal jawab lisan sekadar ingin mendapatkan maklumat berkaitan kefahaman murid keseluruhannya. Beliau bertindak menyual sekali lagi soalan terbuka apakah contoh suku kata terbuka dan tertutup dalam perkataan nama buah-buahan yang ditunjukkan dalam kad gambar. Soalan tertutup jawapan "Ya" dan "Tidak" disual untuk memastikan murid memahami pembelajaran dan *menyatakan* perasaan dan pendapat terhadap pembelajaran yang telah mereka lalui. Dalam sesi temu bual, beliau menjelaskan teknik soal jawab lisan kerap digunakan kerana kelebihannya senang untuk mendapat maklumat pembelajaran murid serta tidak mengambil banyak masa pembelajaran dan adakalanya soalan spontan boleh diberi bergantung kepada keperluan.

Teknik Kad Gores

Aktiviti menggores kad dijalankan sebagai induksi set. Dalam pengendalian teknik kad gores ini, guru menggabungkannya dengan teknik soal jawab lisan. Hal ini bertujuan melancarkan lagi penggunaan teknik kad gores dan agar aktiviti tersebut dapat diikuti murid dengan ceria dan mencapai matlamatnya iaitu memperkenalkan tajuk P&P yang

akan dihadapi murid seterusnya. Penggunaan teknik kad gores berjaya mencapai matlamatnya, tetapi menuntut Guru J meluangkan masa dan tenaga untuk menyediakan kad-kad tersebut. Dalam temu bual beliau menjelaskan, *“Murid suka teknik ni, mereka tertanya-tanya apa gambar dalam kad tu. Tapi tak selalu buat macam ni. Banyak masa buat persediaan”*.

Teknik Sebutan Nyaring

Teknik sebutan nyaring iaitu menyebut perkataan-perkataan utama dalam pembelajaran secara kuat bagi memenuhi standard pembelajaran, iaitu standard kandungan mendengar dan bertutur. Teknik ini dijalankan dengan menggabungkan standard pembelajaran mendengar, mengecam dan menyebut bunyi bahasa iaitu perkataan nama buah-buahan tempatan dengan sebutan suku kata terbuka dan tertutup. Umpamanya perkataan buah mangga, iaitu “mang” suku kata tertutup dan “ga” suku kata terbuka. Teknik ini dijalankan setelah guru mengajar jenis buah-buahan, dan konsep suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Murid-murid menyebut nyaring nama buah-buahan dengan cara menyebut secara kuat berdasarkan gambar buah yang dilekat dipapan hitam. Guru melekatkan enam gambar buah-buahan di papan hitam dan meminta semua murid menyebut bersama-sama nama buah mengikut suku kata secara nyaring. Murid menyebut “buah jam bu”, “buah tem bi kai”, “buah be tik”, “buah ke la pa”, “buah mang gis” dan “buah na nas”, apabila guru menunjuk ke arah gambar buah-buahan tersebut.

Guru J merancang fenomena ini supaya murid membawa perkataan nama tempatan buah-buahan ke dalam proses pemikiran mereka serta sekaligus memikirkan nama buah-buahan yang termasuk dalam suku kata terbuka dan suku kata tertutup. Guru J menjelaskan:

“Saya nak murid sedar buah apa suku kata terbuka dan buah apa suku kata tertutup. Bila dia sebut mana buah, dia fikirkan suku katanya. Yang penting kena tahu konsep suku kata terbuka dan suku kata tertutup”.

Teknik Padanan

Teknik padanan dijalankan dengan memberi latihan memadankan gambar buah dengan kad perkataan yang mengandungi ejaan nama buah-buahan dijalankan setelah murid-murid menyebut nama buah-buahan yang ditampal di papan hitam secara nyaring. Teknik ini dijalankan untuk memastikan murid telah menguasai kemahiran mengeja dan menulis perkataan buah-buahan, iaitu bagi memenuhi objektif pembelajaran iaitu standard kandungan menulis. Oleh kerana Guru J mahu maklumat berkaitan kemahiran mengeja pada murid tertentu, maka beliau memanggil nama murid terlibat untuk memadankan gambar dan perkataannya. Guru J melekatkan gambar buah jambu, buah tembikai, buah betik, buah kelapa, buah manggis dan buah nenas dipapan hitam supaya dapat disertai murid lain. Guru J menyoal murid-murid lain untuk memastikan jawapan yang diberikan tepat dengan gambar buah. Ini bertujuan supaya semua murid berfikir

dan menggunakan kemahiran untuk mendapatkan jawapan. Guru J menggunakan hasil aktiviti memadan gambar dengan kad perkataan untuk memperkenalkan suku kata terbuka dan suku kata tertutup kepada murid.

Teknik Tugas dan Perbincangan

Untuk memastikan murid memahami konsep perkataan suku kata terbuka dan tertutup, guru memberikan soalan tugas secara lisan sebagai latihan. Murid diminta berbincang dalam kumpulan kecil yang setiap satunya dianggotai enam orang. Guru J meminta murid berbincang dan menyenaraikan suku kata terbuka dan suku kata tertutup dalam senarai nama buah-buahan yang diberi. Guru J juga memberi masa untuk murid berbincang mencari jawapan. Tempoh menunggu jawapan dua minit adalah bersesuaian dengan kebolehan dan keperluan murid termasuklah berbincang, berfikir untuk mendapatkan jawapan. Selepas tempoh menunggu jawapan tamat, Guru J meminta kumpulan membentangkan jawapan dihadapan kelas. Dalam kes ini, Guru J meminta bantuan murid-murid lain untuk memastikan suku kata terbuka dan tertutup dalam perkataan nama buah-buahan tempatan yakni jawapan yang diberi digolongkan mengikut jenis suku kata yang betul.

Teknik Nyanyian

Teknik nyanyian digunakan Guru sebagai unsur didik hibur dan dijalankan di bahagian penutup sesi P&P. Penggunaan teknik ini memberi pengalaman yang berbeza dan mengembirakan murid apabila mereka menyanyi. Guru J menjelaskan:

”...lagi ada dalam tu didik hibur. Saya selit dengan didik hibur dalam P&P. Tu yang ada macam menyanyi. So, bila menyanyi tu mereka *enjoy*. Jadi kaitkan la dengan kemahiran ni la (merujuk kepada teknik nyanyian).

Aktiviti menyanyi diulang dua kali dan di akhir teknik ini Guru J menyoal murid soalan umum berkaitan perasaan mereka selepas menyanyi lagu. Sebagai kesimpulan, Guru J juga mengemukakan pendapat serta alasan yang rasional di sebalik tindakannya menggunakan pelbagai teknik pentaksiran formatif di dalam bilik darjah, iaitu atas beberapa tujuan. Guru J menjelaskan:

“PBS ni kena banyak aktiviti, banyak teknik la. Sebab hari-hari kita buat pemerhatian sebab nak tengok *feedback* daripada murid. Nak lihat pelbagai kemahiran murid. Latih kemahiran mereka kena banyak guna teknik. Mula-mula kenalkan set induk sebab nak kaitkan dengan tajuk pada hari ini, guna kad gores. Bila murid dah sebutkan nama buah-buahan maka terus kaitkan dengan tajuk dan mula ajar. Masa ajar soal sebab nak lihat kefahaman murid. Aktiviti memadan, sebut perkataan secara kuat, latihan memadan gambar buah-buahan dengan perkataan, perbincangan kumpulan nak latih murid berfikir. Nyanyi tu dalam bahagian penutup”.

“Setiap kali buat lembaran kerja atau aktiviti la, akan bagitau kat murid. ni akan buat penilaian. Dari situ budak dah tahu. Takut tak dapat markah. Kalau murid sebelum ni buat banyak aktiviti dia pun banyak main-main, tak serius. Yang ni (merujuk kepada rekod pentaksiran) dibawa ke tahun enam. Mereka lebih serius la nak belajar. P&P saya kena lebih terancang, banyak latihan. Banyak teknik sebab nak latih dan lihat keseluruhan”.

Guru J juga berterus terang bahawa beliau turut memikirkan aras dalam soalan lisan dan tugas semasa membuat perancangan P&P supaya mentaksir hingga ke aras tinggi. *“Kaitkan dengan pengetahuan sedia ada atau yang pernah tahu benda tu, pernah lalui, pernah kenal, mereka berfikir. Set induksi aras rendah. Pertengahan aktiviti aras tinggi ada, selalunya pelbagai aras la.”* Selain itu, beliau mengaku memperoleh maklumat pentaksiran formatif melalui pemerhatian dan mencatat maklumat mengikut yang disarankan dalam amalan PBS, *“Hari-hari kita buat pemerhatian, dah tahu macam mana pencapaian murid, memang kita ikut la dalam PBS tu.”*

PERBINCANGAN

Rangkuman penggunaan pelbagai teknik pentaksiran formatif dalam proses P&P Bahasa Melayu Guru J masih perlu dipertingkatkan amalannya termasuklah:

1. Memastikan penggunaan pelbagai teknik tepat dan sesuai dengan tahap dan kebolehan murid (Hall & Burke, 2003). Ini penting dalam memastikan maklumat yang diperoleh berkaitan pembelajaran murid benar-benar refleks dengan tahap kebolehan dan kemahiran kognitif mereka (Black & Wiliam, 1998). Begitu juga ia membantu memastikan maklumat pentaksiran diperoleh daripada pelbagai teknik. Hal ini sangat dituntut kerana maklumat pentaksiran perlu mempunyai kesahan konstruk yang tinggi (Brookhart, 2009). Maklumat yang mempunyai kesahan konstruk yang tinggi membolehkan guru membuat keputusan yang lebih tepat dan berkualiti berkaitan pembelajaran serta dan merancang pembelajaran akan datang (Black & Wiliam, 1998). Selain itu, guru juga boleh mendapatkan maklumat tentang kualiti pembelajaran yang dilalui murid dan kualiti pengajaran yang guru sampaikan (Hall & Burke, 2003). Guru perlu memastikan penggunaan teknik pentaksiran dijalankan selepas mengajar isi dan konsep pelajaran (Fisher & Frey, 2007).
2. Guru memahami fungsi pemerhatian sebagai cara untuk mengumpul data pentaksiran dan bukan sebagai salah satu teknik pentaksiran formatif. Ini jelas apabila guru sendiri yang melakukan pemerhatian dan mencatat hasil pemerhatian menggunakan borang senarai semak PBS dan membuat laporan berdasarkan data pemerhatian tersebut.
3. Kerap menggunakan teknik soal jawab lisan dalam ketiga-tiga peringkat P&P (Black dan Wiliam, 1998; Fisher & Frey, 2009, Stiggins, 2001). Dicadangkan guru supaya menambah baik kualiti atau aras soalan supaya ia lebih menguji kebolehan dan kemahiran kognitif serta menggalakkan pemikiran murid. Di

peringkat permulaan P&P teknik soal jawab lisan digunakan untuk melihat kesediaan murid untuk belajar, menarik perhatian murid kepada P&P, mencungkil pengetahuan umum dan sedia ada serta memperkenalkan tajuk P&P dan pembelajaran (Black & Wiliam, 1998). Teknik ini berjaya meningkatkan fungsi teknik kad gores, padanan, tugasan dan perbincangan. Semasa pertengahan sesi P&P, teknik soal jawab lisan digunakan untuk mendapat maklumat mengetahui status kefahaman semasa, menarik penyertaan murid dalam aktiviti pembelajaran, mengekalkan perhatian murid kepada pembelajaran, menggalakkan murid berfikir, serta meningkatkan pembelajaran murid. Teknik soal jawab di peringkat penutup berfungsi mendapat maklumat keseluruhan kefahaman murid. Hal ini bermakna ia digunakan sebagai mendapatkan pengesahan bahawa murid telah melalui pembelajaran dan memperoleh pengetahuan baharu.

4. Adanya prapentaksiran yang dijalankan dalam set induksi dengan menggunakan teknik soal jawab dan teknik kad gores. Aktiviti dalam prapentaksiran lebih tertumpu kepada menyatakan nama buah-buahan sahaja. Guru sepatutnya turut perkenalkan hubung kait nama buah-buahan tempatan dengan suku kata supaya turut dapat mengesan kurang faham murid berkaitan konsep suku kata terbuka dan tertutup. Ini penting kerana fungsi strategi prapentaksiran adalah untuk tujuan diagnos. Menjalankan prapentaksiran mempunyai kelebihan, iaitu semua kelemahan dan salah faham murid akan diajar semula dan kefahaman konsep akan dipertingkatkan melalui proses pengajaran semasa (McTighe & O'Connor, 2005). Namun begitu, menggunakan sumber yang dekat dengan diri murid, iaitu buah-buahan tempatan telah berjaya membawa pemikiran murid kepada tajuk P&P.
5. Teknik nyanyian digabungkan dengan pergerakan badan dan irama, mewujudkan pembelajaran pelbagai kebolehan. Penggunaan teknik ini kelihatan berfungsi untuk berhibur, tetapi tidak fungsi didik. Bagaimanapun, guru hanya mendapat maklumat berkaitan emosi dan afektif murid-murid melalui pergerakan badan, ruang, irama muzik, interpersonal dan intrapersonal (Hamm & Adams, 2009). Senikata lagu berunsur nasihat dan pengajaran berguna berkaitan buah-buahan tempatan boleh digunakan oleh guru untuk pengayaan supaya murid menghayati dan memahami seni kata lagu tersebut di samping menjana pemikiran murid ke aras lebih tinggi dengan baik bukan sekadar fungsi hibur semata-mata.
6. Teknik menyebut perkataan secara kuat, latihan memadankan amat berkesan apabila melibatkan penyertaan semua murid. Guru memberi soalan dan arahan yang mudah diikuti menjadikan pembelajaran berjalan dengan baik. Teknik ini memberi kelebihan murid merasai sendiri pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan. Namun begitu, aktiviti terlalu mudah dan kurang mencabar pemikiran murid kerana hanya menguji pengetahuan dan kefahaman sahaja.
7. Penggunaan teknik tugasan dan perbincangan membolehkan murid mempamerkan kefahaman dengan mengaplikasi konsep suku kata terbuka dan tertutup untuk dihubungkan dengan nama buah-buahan. Ia turut melatih kemahiran komunikasi kemahiran interpersonal dan intrapersonal murid (Hamm

- & Adams, 2009). Teknik ini adalah berpusatkan murid (Cizek, 2010) dan melibatkan penyertaan murid secara aktif (Black & Wiliam, 1998; Crooks, 1998; Hamm & Adams, 2009; Scherer, 2005; Stiggins & Chappuis, 2006) kerana merekalah yang berperanan menjaya atau mengagalkannya. Bagaimanapun, penglibatan aktif murid dalam proses perbincangan memudahkan mereka memahami pembelajaran dan berusaha mencapai tujuan pembelajaran (Black & Wiliam, 1998).
8. Menggunakan teknik yang sesuai dan bertepatan dengan sasaran pembelajaran yang ditetapkan (Brookhart, 2010; Black & Wiliam, 1998; Stiggins & Chappuis, 2006). Bagaimanapun, fungsi setiap teknik boleh ditambah baik supaya benar-benar memaksimumkan penggunaannya dalam usaha meningkatkan pembelajaran murid.
 9. Penggunaan pelbagai teknik oleh Guru J membuktikan bahawa guru sekolah rendah mahir menggunakan pelbagai teknik pentaksiran formatif dalam usaha mereka untuk mentaksir pembelajaran murid (Hall & Burke, 2003).

KESIMPULAN

Kesedaran terhadap kepentingan untuk mentafsir pembelajaran murid dalam pelbagai aspek seperti jasmani, emosi, kognitif, afektif, dan sosial telah membawa kepada amalan penggunaan pelbagai teknik pentaksiran dijalankan. Hal ini selaras dan bertepatan dengan kehendak dan usaha murni bidang pendidikan untuk melahirkan insan yang seimbang jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Kesedaran juga wujud terhadap kepentingan penggunaan pelbagai teknik mentafsir dalam meningkatkan kesahan konstruk yang diukur dan seterusnya meningkatkan kesahan maklumat pentaksiran yang digunakan guru untuk membuat keputusan berkaitan pembelajaran murid (Brookhart, 2009). Penggunaan teknik juga adalah bertepatan dengan kebolehan murid dan bersesuaian dengan objektif pembelajaran yang hendak dicapai (Brookhart, 2010; Black & Wiliam, 1998; Stiggins & Chappuis, 2006). Penggunaan pelbagai teknik juga berjaya melibatkan penyertaan murid secara aktif dalam proses P&P (Black & Wiliam, 1998) serta meningkatkan kemahiran komunikasi murid (Black & Wiliam, 1998; Crooks, 1998; Hamm & Adams, 2009; Scherer, 2005; Stiggins & Chappuis).

Menyedari kepentingan penggunaan pelbagai teknik pentaksiran dalam proses P&P, maka dicadangkan kepada pihak pendidikan peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan mengadakan lebih banyak bengkel dan latihan secara *hands-on* untuk mendedahkan guru-guru agar lebih berkualiti dalam penggunaan teknik pentaksiran formatif. Guru perlu didedahkan dengan pelbagai pengetahuan tentang pentaksiran formatif termasuk tujuan, masa pelaksanaan, teknik melaksanakan, membuat pemerhatian, mengumpul, merekod, mentafsir dan menggunakan maklumat pentaksiran untuk membuat keputusan berkaitan P&P.

Kajian ini membuktikan kepada guru-guru Bahasa Melayu bahawa pentaksiran formatif bukanlah sesuatu yang sukar dan asing malahan mudah dilaksanakan dengan menggunakan teknik-teknik yang biasa. Signifikan kajian secara khusus dapat memberikan gambaran sebenar bagaimana teknik-teknik pentaksiran formatif dapat

dilaksanakan dengan berkesan. Ia juga dapat menimbulkan keyakinan dalam kalangan guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan pentaksiran formatif dan memperbaiki amalan mereka supaya lebih menepati konsep pentaksiran formatif. Kajian ini sekaligus mengesahkan pandangan pakar bahawa penggunaan pelbagai teknik berkesan mampu meningkatkan pembelajaran murid.

Kajian ini diteruskan terhadap mata pelajaran lain, terutama dalam bidang Sains Sosial untuk mendapat gambaran yang lebih mendalam terhadap penggunaan teknik dalam pentaksiran formatif. Dicadangkan juga supaya kaedah pengumpulan data diperluaskan kepada temu bual untuk mendapat lebih maklumat berkaitan fenomena penggunaan teknik pentaksiran formatif dalam proses P&P. Lebih banyak kajian berkaitan teknik disyorkan supaya menyumbangkan kepada inovasi dan mengalakkan kreativiti penggunaan pelbagai pentaksiran formatif supaya ia benar-benar membawa kepada peningkatan pembelajaran dalam kalangan murid. Hal ini berikutan kesan positif terhadap peningkatan pembelajaran murid hasil kajian yang dibuat di negara-negara lain amatlah memberansangkan.

RUJUKAN

- Abd. Murad Salleh. (2003). Proses penganalisan data kajian kes secara kualitatif. Kertas kerja dalam Seminar Penyelidikan Kualitatif: Teori dan Praktis. Kuala Lumpur, 10 Oktober.
- Black, P. & Wiliam, D. (1998). *Inside the black box: Raising standards through classroom assessment*. London: School of Education, King College.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Brookhart, S. M. (2010). *How to assess higher-order thinking skills in your classroom*. Alexandria, Virginia USA: ASCD.
- Brookhart, S. M. (2009). The many meanings of multiple-measures. *Educational Leadership*, 67 (3): 6-12.
- Brookhart, S. M. (2007). Expending views about formative classroom assessment: A review of the literature. In. McMillan J. H. (Eds.). *Formative classroom assessment: Theory into practice*, 43-62. New York: Teachers College Press.
- Cizek, G. J. (2010) An introduction to formative assessment: History, characteristics, and challenges. In. Andrade, H. L & Cizek, G. J. (Eds.). *Handbook of formative assessment*, 3-17. New York. Routledge.
- Cizek, G. J. (2007). Formative classroom and large-scale assessment: Implications for future rand development. In. McMillan, J.H. (Eds.). *Formative classroom assessment: Theory into practice*, 99-115. New York. Teachers College Press.
- Chappuis, S & Chappuis J. (2008). The best value in formative assessment. *Educational Leadership*, 65 (4): 14-19
- Crooks, T. J. (1998). The impact of classroom evaluation practice on pupils. *Review of Educational Research*, 58 (4): 438-481.
- Fisher, D. & Frey, N. (2007). *Checking form understanding: formative assessment techniques for your Classroom*. Alexandria, Virginia: ASCD.

- Hamm, M & Adams, D. (2009). *Activating assessment for all atudents: Inovative activities, lesson plans, and informative assessment*. United Kingdom: Rowman & Littlefield Education.
- Hall, K. & Burke W. M. (2003). *Making formative assessment work: Effective practice in the primary classroom*. Maidenhead: Open University Press.
- Harlen, W. (2007). Formative classroom assessment in science and mathematics. In. McMillan, J.H. (Eds.). *Formative classroom assessment: Theory into practice*, 116-135. New York: Teachers College Press.
- Na'imah Ishak. (2011). School based assessment as transformation in educational assessment. *Keynote dalam International Seminar On Measurement and Evaluation (ICMEE 4) USM, Pulau Pinang, 9-12 Oktober*.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Fransisco: Jossey-Bass.
- Marohaini Yusoff. (Eds). (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja kajian lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Azhar Mat Ali & Shahrir Jamaluddin. (2007). Amalan pentaksiran untuk pembelajaran di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*, 27 (1) 19-54.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q. (1987). *How to use qualitative methods in evaluation*. Newbury Park, CA: Sage Publication.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Scherer, M. (2008). An answer for long term. *Educational Leadership*, 65 (4): 7-7.
- Scherer, M. (2005). Reclaiming testing. *Educational Leadership*, 63 (3): 9-13.
- Stiggins, R. J. (2001). *Student involved classroom assessment*. 3rd Edition. Upper Sadler River: Merrill Prentice Hall.
- Stiggins, R. & Chappuis, J. (2006). What a difference a word makes. *Journal of Staff Development*, 27 (1): 10-14.
- Yin R. K. (2003). *Case study research: Design and methods*. 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Xu, Jianzhong. (2010). Homework purpose scale for high school students: A validation study. *Educational and Psychological Measurement*, 70 (3): 459-479.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyooalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 51-65.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Suzana Abd. Mutalib
No 274, Jalan Kenanga 6,
Persiaran AmanJaya 7, Bandar AmanJaya,
08000, Sungai Petani, Kedah.
suzanaalea@yahoo.com.my